

OGOS 2020

Peneroka

www.felda.gov.my

**YAB
TAN SRI
MUHYIDDIN
YASSIN**

“
Saya Tawarkan
Jiwa dan Raga
Saya Untuk
Negara”

**SULONG JAMIL
MOHAMED
SHARIFF**

“
Kita Sama-Sama
Bangkit
Membangunkan
Semula FELDA
Dengan Lebih
Gemilang”

SIDANG REDAKSI

KANDUNGAN

BICARA KATA

01 : PENEROKA PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN

TITIPAN KHAS PEMIMPIN UTAMA

02 : TITIPAN KHAS PEMIMPIN UTAMA

KOMUNITI

03 : PERTUKARAN MoU

03 : HARI PENEROKA

PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

04 : MEMARTABATKAN HERBA FELDA WILAYAH TROLAK

05 : MUTIARA DARI SYURGA : AT-TIN

06 : PROJEK RINTIS PPP FELDA BUKIT ROKAN, WILAYAH RAJA ALIAS

INSPIRASI

07 : CERITERA PEMBAKAR SEMANGAT

TURUN PADANG

08 : SEJENAK BERSAMA PENERGUSI

09 : KERANGKA STRATEGIK : WELL-FORMED OUTCOME

Penaung : YB Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh
Penasihat : YBhg. Dato' Dr. Othman bin Omar
Ketua Editor : Shanzar binti Ahmad Shahar
Penolong Ketua Editor : Kamasri bin Mamat
Editor : Farahiyah binti Mustapha
Penolong Editor 1 : Mohd Nizam bin Abdul Ghani
Penolong Editor 2 : Nurulnaida binti Md Noh
Grafik : M.Nasri & Unit Studio

ANGGOTA REDAKSI

Hisyam bin Ahmad @Ahmaddiah
Mohamad Isa bin Hasan
Suhardi bin Abdullah
Naziffuddin bin Tajulddin
Nur Hazimah bin Rahman
Mardziah binti Napiah

TAHUKAH ANDA ?

WORLD BANK NEWS
Volume VI, No. 48 December 17, 1987

THIS WEEK
New projects
Eleven countries borrow \$896 million from World Bank. IDA, page 1

Press briefing on Africa
Joint effort to help protect the very poor during periods of structural adjustment to be discussed, page 1

Successful settlement in Malaysia
Successful settlement of landless people in the Jengka Triangle region can serve as a model, says independent report, page 8

Growth in Jamaica, St. Vincent
Jamaica's economy is expected to grow 3-4 percent a year; St. Vincent and the Grenadines shows recovery, according to consultative group, page 8

FELDA is one of the most successful land organizations in the world.

The most striking feature of the project has been its institutional effectiveness. According to the OED report, FELDA is one of the most successful land organizations in the world, combining the efficiency of the private sector with the public service of a government agency. With the high quality of its senior management and the motivation of its staff, FELDA has demonstrated that parastatal organizations can successfully combine both commercial and social objectives.

A survey of the settlement showed that, although settlers were a diverse group of people from all over peninsular Malaysia, many settlers clearly regarded Jengka as their permanent home.

The report comments that FELDA's ability to attract and retain large numbers of settlers at a time when mobility was common testified to the agency's ability to weld peoples of diverse backgrounds into a cohesive community.

Another key feature of the settlement is the project design itself,

aimed to make the best use of Malaysia's comparative advantages and to minimize risks. The projects benefited from government policies and strategies that were clearly defined and far-sighted.

Second, the opportunity to become land owners is a key incentive for settlers and is conducive to an orderly settlement program.

Third, combining improved social infrastructure with some aspects of a traditional village system is an important factor in attracting and retaining settlers.

And fourth, settlement projects have a better chance of success if they are executed by a strong autonomous agency with a clearly defined plan and a strategy fully supported by the government.

Still, the World Bank's evaluation report notes some disappointments. Although women play a major role in agricultural activities, especially in rubber production, FELDA's extension services provided advice to male settlers only. Also, local villages and cultural traditions worked to the detriment of women's rights and opportunities.

World Bank praise for Felda

THE World Bank says that the Federal Land Development Authority (Felda) is one of the most successful land organizations in the world.

The bank attributed Felda's success to the authority's ability to combine the efficiency of the private sector with the public service of a Government agency.

It added in the latest issue of World Bank News that more than 90,000 families have been settled on over 600,000 hectares of land developed for the production of palm oil and rubber.

The bank also emphasized the success achieved by the Jengka Triangle project in a report on a study conducted by the bank's Independent Operations Evaluation Department (OED) on "The Jengka Triangle Project in Malaysia".

The bank said the Jengka

programme was successful as planting objectives were met or exceeded and that a costly but efficient settlement system was successfully carried out.

Even more encouraging was that not only settlers' incomes improved significantly, but that most of the costs were recovered from settlers.

In fact, Christian Polti, OED's principal evaluation officer and co-author of the report said: "The Malaysian settlement strategy is undoubtedly successful and could be used as a model for other countries in Asia and West Africa."

The bank also said that the Jengka Triangle, a region of forest, jungle and swampland, was successfully developed into villages with palm oil and rubber ventures, providing a livelihood and potential ow-

nership for the previously landless poor.

It commended Felda's ability to attract and retain large numbers of settlers at a time when mobility was common and that it proved the agency's ability to mould peoples.

Another achievement was the fact that though the settlers were a diverse group of people from all over Peninsular Malaysia, many of them clearly regarded Jengka as their permanent home.

The report also noted that the settlers' increased incomes which rose by three to 3.5 times above the rural poverty level meant significant improvements in their living conditions.

"The projects benefited from Government policies and strategies that were clearly defined and far-sighted," the bank added. — Bernama ES

Petik dari akhbar News Straits Time pada tarikh 6hb. Januari, 1988.
News Straits Times dated 6th January, 1988.

PENEROKA PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN

“*Land for the landless, job for the jobless, good land for the good people.*”

Tanah untuk mereka yang tidak bertanah, pekerjaan bagi mereka yang tiada pekerjaan, tanah yang subur bagi rakyat yang layak

Kata-kata almarhum Tun Abdul Razak yang menjadi prinsip asas penubuhan FELDA, sebuah agensi pembangunan tanah pada tahun 1956. FELDA, diwujudkan untuk peneroka dan peneroka dimasukkan kerana adanya FELDA.

FELDA adalah lombong emas. Aset yang utama adalah tanah yang dikawal oleh FELDA, berjumlah lebih 2 juta ekar, sekitar 2.78% dari seluruh tanah Malaysia adalah di FELDA. FELDA berjaya menjadi satu agensi pembangunan tanah terunggul kerana semangat peneroka yang cekal dalam membina kehidupan dalam kesukaran pada zaman awal pembukaan rancangan FELDA.

PENEROKA :

FELDA berjaya kerana peneroka mempunyai nilai-nilai Perintis, Berani dan Suka Cabaran.

PERINTIS :

Peneroka adalah perintis, membuka tanah dari hutan belantara. Dimulakan di FELDA Lurah Bilut yang menebang balak dengan kapak dan gergaji menggunakan tenaga tulang empat kerat. Peneroka adalah perintis yang mula menanam pokok kelapa sawit di FELDA Taib Andak, Johor. Peneroka adalah perintis kepada pembangunan tanah terbesar di Jengka sehingga FELDA mendapat pengiktirafan bank dunia sebagai agensi pembangunan tanah paling berjaya dalam World Bank News pada 17 Disember 1987.

BERANI :

Peneroka adalah insan yang berani. Tidak menghiraukan bahaya dan ancaman dalam membuka tanah. Meski berhadapan dengan ancaman binatang buas seperti harimau dan gajah, peneroka tetap bersama FELDA, membangunkan perkampungan sehingga menjadi komuniti contoh terbaik luar bandar.

SUKA CABARAN :

Peneroka adalah insan yang suka cabaran. Membuka tanah, berhadapan dengan pelbagai ancaman, dan juga kehidupan yang serba kekurangan. Membina kehidupan dalam kawasan hutan yang baru dibuka, tanpa kemudahan asas yang sempurna dan mereka berhadapan kesukaran itu tanpa menoleh kebelakang. Tanpa semangat yang kental dan kesungguhan, sudah pasti banyak rancangan FELDA tidak akan berjaya dan kisah kejayaan FELDA tidak dapat dilakar.

FELDA pernah mencapai zaman kegemilangannya yang melangkaikan sepenuhnya pinjaman Bank Dunia pada tahun 2000, 20 tahun lebih awal daripada sepatutnya. Dengan perubahan pemikiran baharu, Peneroka yang bersifat Perintis, Berani dan Suka cabaran pasti akan mengembalikan semula kecemerlangan dan kegemilangan FELDA.

#FELDALombongEmas
#PenerokaPerintisBeraniSukaCabaran
#DariBandarKeFELDA
#CemerlangkanFELDA
#GemilangkanFELDA

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN
JUSOH
PENGERUSI FELDA**





Sambutan kali ini berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya kerana Malaysia, malah seluruh dunia, berhadapan dengan peperangan pandemik Covid-19. Acara kali ini diadakan secara minimalis berdasarkan norma baharu berpandukan SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Walau berhadapan dengan kekangan penjarakkan sosial dan pemakaian pelitup muka, perhimpunan yang menghadkan jemputan hanya 250 orang tidak menjejaskan kemeriahan sambutan berbanding dengan jumlah kehadiran pada tahun-tahun sebelumnya yang mencecah ribuan pengunjung. Bagaimanapun, warga FELDA, malahan seantero dunia, tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan lintas langsung ini secara terus melalui RTM dan media sosial rasmi FELDA agar amanat berharga Perdana Menteri disampaikan secara terus dan telus kepada semua.

FELDA yang memiliki tanah pertanian yang luas, berpotensi besar untuk menjadi peneraju utama sektor pertanian pintar dan pengeluaran makanan di negara ini melalui diversifikasi tanaman. Dengan potensi yang ada, FELDA akan menjadi antara pengeluar makanan utama negara dengan mewujudkan jaminan bekalan makanan yang stabil di samping menjadi pengeluar komoditi utama negara.

Ini adalah selaras dengan matlamat Model FELDA Baharu iaitu membantu peneroka meraih pendapatan tambahan yang lebih lumayan dan tidak lagi bergantung sepenuhnya pada hasil kelapa sawit dan getah. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah Program Pembangunan Peneroka (PPP) bagi mendapatkan hasil baharu, pengurusan ladang melalui pengukuhan Koperasi FELDA dan penggunaan teknologi terkini dalam pertanian pintar.

Selain dari itu, salah satu langkah pelan pemulihan kedudukan aliran tunai FELDA, adalah untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas khas yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar. Ia bertujuan untuk mengembalikkan kemampuan kewangan dan kelestarian FELDA. "Pasukan petugas khas itu sedang berusaha mengenal pasti kaedah terbaik bagi menjamin kelestarian kewangan FELDA yang akan memberi manfaat kepada seluruh warga peneroka. Pasukan itu akan membentangkan hasil laporan kepada saya dalam masa terdekat. Ini adalah sebagai langkah awal untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan FELDA."

Kerajaan prihatin rakyat juga berikrar membantu mengurangkan beban hutang peneroka dengan memperuntukkan RM200 juta untuk menaik taraf dan menyelenggara jalan pertanian di seluruh tanah rancangan FELDA. "Langkah ini dijangka akan meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil peneroka dan mengurangkan beban hutang peneroka selama ini yang terpaksa menanggung kos pembaikan jalan kebun."

Begini juga dalam memperkasakan pendidikan luar bandar agar peningkatan kualiti hidup masyarakat peneroka serta pembangunan insaniah generasi baharu, kerajaan memperuntukkan RM45 juta bagi menaik taraf Asrama Semai Bakti FELDA (ASBF) di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuantan supaya kebajikan pendidikan sentiasa dipelihara.

"Kita harap peruntukan ini dapat menyediakan kediaman yang lebih selesa kepada anak-anak peneroka dan seterusnya meningkatkan kecemerlangan pendidikan mereka."

Bukan itu sahaja, bahkan termeterainya (MoU) Agrobank bersama FELDA adalah salah satu cabang kemudahan pinjaman dengan kadar faedah rendah supaya generasi baharu FELDA mampu memiliki kediaman dan mempergiatkan aktiviti ekonomi dalam rancangan demi kesejahteraan masyarakat luar bandar. Kelonggaran syarat pinjaman yang diberikan oleh Agrobank kepada generasi baharu, menerusi skim Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF), adalah pada kadar pembiayaan 110% untuk harga rumah bernilai maksimum RM300,000. "Saya sedar antara isu yang agak penting kepada warga FELDA ialah pembiayaan bagi generasi baharu FELDA untuk memiliki rumah menerusi skim Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF)."

Selain itu, sebagai usaha melahirkan usahawan yang berdaya maju dan mampu bersaing serta mewujudkan peluang pekerjaan, FELDA dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengenalpasti 15 projek keusahawanan bernilai tinggi untuk dilaksanakan di kawasan tanah rancangan dengan pembabitan daripada peneroka. Ia mensasarkan seramai 3,170 usahawan baharu dalam tempoh 5 bulan dengan menggunakan fasiliti di Fakulti Pertanian UPM. "Saya yakin kerjasama itu akan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu kepada warga FELDA, sekali gus meningkatkan pendapatan peneroka."

Seluruh negara dan dunia terkesan dengan impak pandemik COVID-19 yang melanda kita sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, bagi memastikan kelangsungan ekonomi warga peneroka, kerajaan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) & Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi meringankan beban ekonomi rakyat dan mengurangkan kesulitan warga FELDA. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM286 juta untuk disalurkan bagi 463 projek di 11 wilayah FELDA bagi menjalankan projek-projek berbentuk infrastruktur. "Saya sedar bahawa FELDA sedang berada dalam situasi yang agak sukar pada waktu ini. Namun, saya juga amat menghargai sumbangan besar FELDA kepada pembangunan negara sejak awal FELDA ditubuhkan sehinggalah ke hari ini. Insya-ALLAH, berkat usaha kita bersama, FELDA akan melakar kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang."

Sementelahan sambutan Hari Peneroka diadakan di Wilayah Trolak, Kerajaan Negeri Perak mengambil berat dalam menangani kes serangan ulat bungkus yang memberi kesan drastik kepada hasil tuaian dan tempoh pemulihan yang lama. Oleh yang demikian, menerusi pengumuman yang dibuat oleh Menteri Besarnya, YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu telah memberi kelulusan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi kerja-kerja kawalan pencegahan serangan ulat pemakan daun untuk digunakan oleh FELDA agar ladang peneroka tidak akan mengalami ancaman daripada serangga perosak itu.

“Keayaan itu tidak dapat dicapai jika tiada usaha dan sifat berani mencuba. Marilah semua warga peneroka, kita sama-sama bangkit membangunkan semula FELDA dengan lebih gemilang.”

Encik Midon Bahoi
Ketua Peneroka Felda Sahabat 3

HARI PENEROKA

Dimeriahkan dengan beberapa penyampaian anugerah seperti Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Sawit Tertinggi, Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Getah Tertinggi, Anugerah Usahawan Jaya Tahun 2019 manakala kemuncak penantian adalah penyampaian Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

Bagi Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Sawit Tertinggi 2019 telah dimenangi oleh FELDA Serting Hilir 3, Negeri Sembilan, manakala Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Getah Tertinggi 2019 pula dimiliki oleh FELDA Kepis, Negeri Sembilan yang masing-masing membawa pulang hadiah sebanyak RM10,000. Peneroka FELDA Bukit Bading, Terengganu, Encik Mustafa Abdullah pula terpilih memenangi kategori Anugerah Usahawan Jaya FELDA, juga membawa pulang hadiah berjumlah RM10,000.

Bagi anugerah yang menjadi tumpuan dan perhatian warga peneroka iaitu AKKF, FELDA Sahabat 3, Sabah dinobatkan sebagai juara Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM300,000. Ini merupakan titik sejarah yang manis kerana buat pertama kalinya anugerah ini dimenangi oleh rancangan daripada Malaysia Timur. Pemenang kedua dimenangi oleh FELDA Adela, Kota Tinggi yang membawa pulang RM200,000 manakala tempat ketiga dimenangi oleh FELDA Raja Alias 4, Negeri Sembilan yang menerima wang tunai RM100,000.

Sorotan Kejayaan Felda Sahabat 3

Ditubuhkan pada tahun 1985 dan pengambilan peneroka bermula pada tahun 1989. Kegiatan ekonomi dirancarkan dengan kewujudan 11 inap desa, kejayaan mengusahakan sarang burung walit serta aktiviti agro pelancongan (penternakan lembu serta penanaman buah naga dan kelapa matang). Keunikan juara AKKF ini adalah kerana kedudukannya yang berhampiran dengan pantai Sahabat yang dijadikan tempat beriadah bagi penduduk di luar tanah rancangan. Inisiatif bagi mengeratkan hubungan komuniti adalah dengan mempromosi pertandingan memancing dengan penyertaan terbuka dari pihak luar.

KATEGORI	ANUGERAH	PENERIMA
Pencapaian Peningkatan Hasil Sawit Tertinggi Tahun 2019	RM10 ribu & sijil	Felda Serting Hilir 3 (Wlayah Raja Alias)
Pencapaian Peningkatan Hasil Getah Tertinggi Tahun 2019	RM10 ribu & sijil	Felda Kepis (Wlayah Raja Alias)
Anugerah Usahawan Jaya FELDA Tahun 2019	RM10 ribu & sijil	Encik Mustafa Abi Bah Felda Bukit Bading (Wlayah Terengganu)
Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) Tahun 2020	RM300 ribu & sijil	Felda Sahabat 3 (Wlayah Sabahat)
	RM200 ribu & sijil	Felda Adela (Wlayah Johor Bahru)
	RM100 ribu & sijil	Felda Raja Alias 4 (Wlayah Raja Alias)

PERTUKARAN MOU

Sejarah demi sejarah tercipta apabila FELDA turut mengadakan beberapa kerjasama dengan beberapa agensi antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), Bank Pertanian Malaysia (Agrobank), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Oleh yang demikian, FELDA meletakkan harapan besar terhadap kolaborasi yang saling menguntungkan agar ia dapat mewujudkan sumber pendapatan yang berterusan dan mampan di samping menjana ekonomi kawasan luar bandar, berdasarkan aliran pendapatan baharu melalui



penglibatan FELDA dan peneroka dalam bidang tanaman alternatif bernilai tinggi, pertanian pintar dan pertanian digital.

USAHASAMA PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN KEUSAHAWANAN FELDA - UPM



FELDA dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bagi melaksanakan kerjasama dalam memperkasa ekonomi warga peneroka. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Dr. Othman Omar, Pengarah Besar FELDA dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Zulkifli Idrus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM.

Ia merupakan inspirasi daripada Pengerusi FELDA dalam menzahirkan hasrat bagi program pemerksaan ekonomi warga FELDA terutamanya bagi pertambahan pendapatan dengan transformasi beberapa program melibatkan tanaman komoditi utama (sawit & getah), tanaman berpotensi tinggi, aplikasi pertanian pintar, penternakan dan akuakultur serta program-program latihan keusahawanan yang diprogramkan khas bagi warga peneroka.

Selain itu, sudut utama bagi kerjasama ini adalah bertujuan untuk melaksanakan perkongsian kepakaran yang dimiliki oleh UPM, yang merupakan universiti pertanian terulung di Malaysia. Dengan termeterai memorandum ini, peneroka FELDA dapat meningkatkan pendapatan peneroka menerusi aktiviti pertanian dan penternakan berdasarkan teknologi-teknologi yang dimiliki oleh UPM serta membantu Malaysia dalam meningkatkan jaminan bekalan makanan negara menerusi aktiviti transformasi berdasarkan program-program sedia ada seperti Gedung Makanan Negara.

USAHASAMA FELDA - MOSTI



Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh FELDA bersama agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) iaitu Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) merupakan pentas kerjasama bagi FELDA merancang dan mengembangkan ekosistem inovasi dan teknologi terkini di rancangan-rancangan FELDA.

Melalui kerjasama dengan AIM, pelan pembangunan industri kepada peneroka dalam mewujudkan model perniagaan dan pelaksanaan tanaman alternatif bernilai tinggi serta membangunkan bidang biojisim yang sesuai untuk FELDA.

Selain itu, FELDA turut mengadakan kerjasama dengan MTDC dalam membantu melaksanakan pemindahan teknologi pertanian moden serta bidang pembangunan usahawan dan projek menggunakan teknologi tinggi dan terkini.

MOU ini ditandatangani oleh YBhg. Dato' Dr. Othman Omar, Pengarah Besar FELDA serta Encik Mohd Abdul Naser Bin Md Jaafar, CEO AIM dan YBhg. Dato' Norhalim Yunus, CEO MTDC dengan disaksikan oleh YAB Perdana Menteri, Menteri MOSTI dan Pengerusi FELDA.

MEMARTABATKAN HERBA FELDA WILAYAH TROLAK

Secara amnya, pasaran perubatan herba di peringkat global dijangka mampu mencecah nilai 1.29 juta USD menjelang tahun 2023. Malaysia berpeluang untuk mengambil peluang dari pasaran perubatan herba ini kerana Malaysia adalah salah satu negara biodiversiti terbesar dalam tumbuhan ubatan dengan lebih daripada 1,300 spesies. Statistik dari WHO juga menunjukkan 80% penduduk di kebanyakan negara membangun masih bergantung kepada ubat-ubatan herba tradisional untuk keperluan penjagaan kesihatan utama mereka atas faktor keselamatan dan risiko yang lebih rendah untuk jangka masa panjang.

Menerusi potensi yang meluas bagi industri ini, pembangunan projek tanaman herba telah dicadangkan untuk dilaksanakan oleh FELDA yang seterusnya membawa kepada Pelancaran

Beberapa kawasan kosong dan lot FELDA di rancangan-rancangan yang terlibat telah dikenalpasti untuk dijadikan sebagai ladang tanaman herba akan digabungkan dengan penggunaan aplikasi teknologi pertanian pintar. Bagi infrastruktur FELDA yang tidak digunakan sepenuhnya, fasiliti tersebut boleh diubahsuai agar ia berkeupayaan dijadikan sebagai lokasi berpusat yang meliputi tempat pengumpulan, pengeringan dan pemprosesan yang minimum.

Dengan kapasiti keluasan tanah dan bilangan tenaga penguasa dalam kalangan keluarga peneroka yang ramai, FELDA berpotensi untuk menjadi pemain industri herba yang utama dalam membantu meningkatkan bekalan bahan mentah dan ekstrak berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan industri herba dan seterusnya memperkukuhkan lagi pembangunan industri herba nasional

Gabungan 5 buah tanah rancangan, dengan keluasan tanah 59.24 hektar, memantapkan Pelancaran Lembah Herba Wilayah Trolak. Idea ini lahir berdasarkan rekod kejayaan pelbagai tanaman herba sedia ada seperti pokok gaharu, belalai gajah, misai kucing kacang *sacha inchi*, *roselle* serta daun gelenggang yang diusahakan, mempunyai nilai komersial yang tinggi.



Projek Lembah Herba FELDA oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin pada 7 Julai 2020 semasa Hari Peneroka Kebangsaan FELDA di MRSM FELDA Trolak. Pelaksanaan Projek Lembah Herba FELDA di FELDA Wilayah Trolak akan melibatkan 5 buah rancangan dalam Zon Trolak iaitu FELDA Sg. Klah, FELDA Sg. Behrang, FELDA Trolak Timur, FELDA Trolak Selatan dan FELDA Trolak Utara yang merangkumi bilangan keseluruhan peneroka seramai 2,402 orang.

Antara objektif utama bagi pelaksanaan projek ini adalah bagi menjana pendapatan tambahan kepada peneroka menerusi program pertanian berasaskan herba di samping melahirkan usahawan herba yang berkemahiran, berilmu dan berdaya saing dalam kalangan peneroka.

Secara dasarnya, rangka awal model pelaksanaan bagi Projek Lembah Herba ini akan dijalankan menerusi model perseorangan di kediaman peneroka dan juga menerusi penglibatan koperasi / badan peneroka di rancangan bagi penanaman secara komersial dengan menggunakan peruntukan dari PPP seperti mana yang telah digariskan dalam Kertas Putih FELDA. Satu pelan model perniagaan menyeluruh juga telah dirangka yang merangkumi keseluruhan skop rantai nilai seperti penanaman, pengumpulan hasil, pengeringan, pemprosesan, penghasilan ekstrak sehingga pembangunan produk yang bernilai tinggi.



Montaj Lembah Herba



Video temuramah gaharu

Kejayaan itu tidak dapat dicapai jika tiada usaha dan sifat berani mencuba. Marilah semua warga peneroka, kita sama-sama bangkit membangunkan

Sulong Jamil Bin Mohamed Shariff
Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan merangkap Ahli Lembaga Pengarah FELDA



Buah tin, atau nama saintifiknya *Ficus Carica*, merupakan kumpulan keluarga dari buah ara dan mempunyai tekstur yang unik. Pokok ara atau buah tin ini tidak berbunga seperti pokok buah-buahan yang lazimnya akan menghasilkan bunga, sebelum mula membentuk menjadi buah. Ia akan mekar dalam buah berbentuk pir, yang kemudiannya akan matang menjadi buah yang boleh dimakan begitu sahaja ataupun dimasak. Buah yang kaya dengan khasiat ini juga diakui sangat baik untuk kesuburan kerana mempunyai antioksidan yang tinggi. Selain itu, buah tindikatakan mampu merawat diabetes, mencegah sakit jantung, mengawal berat badan dan membantu dalam menguatkan tulang serta pelbagai khasiat lagi.

Ficus Carica yang dahulunya hanya ditanam di kawasan Mediterranean, Eropah dan Timur Tengah, kini sudah mendapat tempat dalam hati penduduk tempatan yang mula menceburkan diri dalam penanaman serta pengkomersilannya. Ia juga merupakan tanaman bernilai tinggi dek kerana khasiat dan keunikannya yang tersendiri.

Selain dapat dimakan dalam bentuk buah segar dan kering, ia juga boleh digunakan dalam pelbagai produk kesihatan, produk makanan tambahan, produk kecantikan dan berbagai lagi menyebabkan ia menjadi tanaman yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran.

Sifat pokok ini yang memerlukan cahaya dan hanya berbuah pada musim panas, amat sesuai ditanam di negara kita yang beriklim panas dan hujan sepanjang tahun. Pokok ini tidak memerlukan kawasan yang luas atau masa lama untuk dituai, selain mudah mengenalpasti buah yang masak ranum serta mempunyai kadar pertumbuhan yang agak cepat kerana keperluan sumber air yang minima.

Sifat pokok ini yang memerlukan cahaya dan hanya berbuah pada musim panas, amat sesuai ditanam di negara kita yang beriklim panas dan hujan sepanjang tahun. Pokok ini tidak memerlukan kawasan yang luas atau masa lama untuk dituai, selain mudah mengenalpasti buah yang masak ranum serta mempunyai kadar pertumbuhan yang agak cepat kerana keperluan sumber air yang minima.

Namun, kita hendaklah memandang ini sebagai satu peluang untuk memanfaatkan bantuan PPP yang diberikan oleh Kerajaan supaya pendapatan peneroka dapat dipertingkatkan. Oleh itu, hasil dan keuntungan yang lebih besar dapat dinikmati bersama semua komuniti FELDA.

Menurut Encik Mohamad Hafidz, pengasas Afta Benefigs, pokok buah tin ini hanya mengambil masa 125 hari (4 bulan) dari anak pokok yang berukuran 1 kaki setengah sehinggalah hasilnya dapat dituai berbanding pokok buah-buahan yang lain. Selain itu, sebatang pokok yang sihat juga dapat menghasilkan buah yang berkualiti sehingga boleh mencapai 6 hingga 8 kilogram setahun di mana hasilnya boleh dijual mencecah sehingga RM80 – RM160 per kilogram.

Selain daripada buah, anak benih pokok tin juga amat bernilai kerana boleh dijual bermula dari harga RM100 hingga RM250 serta boleh mencecah RM10,000 hingga RM50,000 berdasarkan jenis baka dan kualiti.



Peranan wanita dalam pembentukan negara ini begitu penting sekali, justeru wanita hendaklah berdiri teguh dan tidak mudah goyah dalam mendepani apa jua cabaran yang mendatang. Wanita juga perlu berani dalam menongkah arus mengikut peredaran masa, bangkit dan memotivasikan diri untuk mencipta kejayaan diri demi pembangunan FELDA, warga peneroka dan negara.

Aziziah @ Azizah Binti Bahari
Pengerusi Gabungan GPW Wilayah Mempaga Merangkap Pengerusi Biro Hal Ehwal Wanita

FELDA telah pun berusia 64 tahun. Saya harapkan dibawah kepimpinan YB Dato' Seri Idris Jusoh, FELDA dapat menyelesaikan beberapa isu pokok berkenaan peneroka dan generasi baharu FELDA. Kepada rakan-rakan Generasi Baharu Felda, marilah kita bersama-sama untuk terus membantu FELDA menjadi komuniti contoh luar bandar yang terbaik.

Muhammad Fadzli Bin Hasan
Presiden Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM)

PROJEK RINTIS PPP

FELDA BUKIT ROKAN WILAYAH RAJA ALIAS

Lembaga FELDA telah meluluskan sebanyak **77 ekar** kawasan kampung di FELDA Bukit Rokan, Negeri Sembilan untuk dijadikan sebagai plot projek rintis Program Pembangunan Peneroka. KPF telah dilantik sebagai pemaju utama projek ini atas kapasiti KPF yang merupakan satu entiti yang menjaga kepentingan seluruh warga Felda dan dimiliki sepenuhnya oleh warga Felda.

Objektif utama PPP adalah memberi pendapatan tambahan kepada peneroka supaya peneroka tidak hanya bergantung kepada pendapatan komoditi utama iaitu tanaman sawit dan getah. Selain itu, PPP juga akan menjadikan peneroka dan warganya sebagai usahawantani dengan bimbingan dari FELDA dan dibantu oleh agensi kerajaan lain seperti MARDI, FAMA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan sebagainya. PPP juga akan membantu negara dalam menjamin keselamatan makanan negara dan menjadi pemain utama keselamatan makanan Gedung Makanan Negara.

Keseluruhan tanah seluas 77 ekar ini akan dibangunkan dengan pelbagai jenis tanaman dan ternakan. Pecahan aktiviti pertanian dan ternakan yang bakal dijalankan adalah seperti berikut:

Rakan Strategik KPF	Jenis Tanaman/Ternakan	Bilangan Peserta Plasma (Orang)	Bilangan Pekerja Dalam Kalangan FELDA (Orang)
KPF Niaga	Cili Fertigasi	60	20
KPF 2	Sayuran Berdaun	20	3
Kami Anak FELDA (KAF)	Arnab Pedaging	40	20
DXN Agrotech	Cendawan Tiram	100	90
Jumlah Keseluruhan		220	133

Pelaksanaan projek rintis ini yang dilaksanakan oleh KPF bersama rakan strategik akan melibatkan 2 komponen utama iaitu Projek Komersial dan Projek Plasma (individu). Bagi Projek Komersial, pemaju akan menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan pertanian secara skala besar.

Projek Plasma pula merupakan projek yang direka khas untuk peneroka dan warganya terlibat secara langsung sebagai usahawantani. Tapak-tapak projek ini ditempatkan bersebelahan antara satu sama lain untuk tujuan seperti projek komersial bagi menyediakan, memberi latihan dan memantau peserta Projek Plasma. Selain itu, pemaju juga akan membeli semula semua hasil yang akan dikeluarkan oleh peserta plasma.



Projek rintis ini dijangka dimulakan September 2020 dengan anggaran tuaian hasil sebanyak 160 tan setahun. Projek PPP secara keseluruhan dijangka akan memberi manfaat kepada 30,968 orang peneroka sehingga penghujung tahun 2020. Warga FELDA dijangka akan menerima manfaat langsung melalui peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan oleh KPF dan rakan strategik. Selain itu, peneroka dan warganya akan diberi peluang menjadi peserta dalam projek plasma sebagai usahawantani. Projek ini juga dijangka akan meningkatkan ekonomi setempat dan sekaligus mengurangkan isu sosial di rancangan.

Kesimpulannya, pelaksanaan Projek Rintis ini akan membawa perubahan minda dan menjana ekonomi setempat sekaligus menjadikan warga Felda Bukit Rokan sebagai **MASYARAKAT CONTOH LUAR BANDAR.**



Nama : YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani
Tempat Lahir : Felda Sg. Sayong, Johor
Tarikh Lahir : 16.04.1966
Umur : 54



WARKAH
UNTUK
PENJAWAT
AWAM



Tahap Pendidikan :

- Sarjana Muda Sains Pembangunan (Ekonomi & Pengurusan) Kepeujian Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) Universiti Teknologi Malaysia

Pekerjaan :

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUK)

Pencapaian :

- Ijazah Doktor Perubatan, UKM
- Diploma Pakar Perubatan Keluarga, Academy Of Family Physicians Of Malaysia

Penglibatan Sosial :

1. Ketua Pentadbiran Negeri Dan Bertindak Sebagai Ketua Pejabat Bagi Semua Jabatan/Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun Negeri.
2. Berperanan Sebagai Pemimpin Dan Pelaksana.
3. Berperanan Sebagai Fasilitator Pengawal Selia Penyelaras Strategik Negeri.

YB Mohd Sharim bin Md Zain adalah ahli politik Malaysia dan kini berkhidmat sebagai anggota Dewan Undangan Negeri untuk N23 Chini. Beliau kini memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pekan dan Ketua Pemuda UMNO FELDA Cawangan Chini 3 yang juga merupakan generasi kedua FELDA. Pada Julai 2020, Mohd Sharim pertama kali bertanding untuk menjadi Anggota Dewan Undangan (MLA) pada pilihan raya kecil Chini. Pemilihan itu diadakan berikutan kematian ahli Majlis Perundangan (MLA) dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Abu Bakar Harun pada 7 Mei yang memegang jawatan itu sejak 2004. PRK Chini adalah pilihan raya pertama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa bermula 18 Mac ekoran penularan pandemik COVID-19.

Pada 18 Jun, Barisan Nasional memutuskan untuk mencalonkan Mohd Sharim, yang merupakan penduduk FELDA serta Pengerusi Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Wilayah Kuantan bagi sesi 2016 – 2020 dan mempunyai pengalaman luas dalam organisasi dan politik belia sebagai calon pilihan raya kecil. Beliau memenangi pilihan raya kecil itu setelah mengalahkan dua calon Bebas yang lain, Tengku Zainul Hisham Tengku Hussin (bekas Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Pekan) dan Mohd Shukri Mohd Ramli (Aktivis Sosial), dengan majoriti 12,650 (73.87%).

Nama : YB Mohd Sharim Bin Md Zain

Tarikh Lahir : 13 Mac 1979

Alamat : FELDA Chini 03, 26690 Pekan, Pahang

PENDIDIKAN:

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepeujian) Open University Malaysia (OUM) –Masih dalam pengajian

POLITIK:

ADUN Chini (Kini)

Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pekan Ketua Pemuda UMNO FELDA Cawangan Chini 3

KARIER:

Pengarah Urusan Akal Budi Sdn Bhd

PENGLIBATAN SOSIAL

- Pengerusi Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Wilayah Kuantan (2016 – 2020)
- Naib Presiden Majlis Belia Negeri Pahang (2017 – 2020)



Puan Aminah Md Saad

FELDA berbangga menobatkan 2 tokoh usahawan berjaya ini menjadi trendsetter PPP agar daya usaha ini dapat mengurangkan kebergantungan dalam komoditi sawit dan mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi peneroka dan generasi baharu.

Salah seorang usahawan yang diketengahkan, Encik Muhd Hamiz Juremi, telah berjaya mengusahakan kacang sacha inchi (*sacha seeds*) sejak 2018 di ladang seluas 0.8 hektar, dengan kapasiti 500 pokok kacang. Tanaman kekacang ini mempunyai kelebihan minyak omega yang bermanfaat untuk mengurangkan risiko penyakit jantung serta menghasilkan produk lain seperti sabun dan teh.

Selain itu, Syarikat Gaharu Lestari yang diusahakan sejak 2012 oleh seorang anak peneroka Felde Trolak Utara, Puan Aminah Md Saad, telah berjaya menghasilkan pelbagai produk berasaskan gaharu seperti minyak wangi, sejadah, sabun dan air teh. Tanaman sebanyak 4,000 pokok gaharu kini diusahakan di kawasan Kampung Perlok berhampiran Sungai Klah dan di Felde Trolak Utara.

PENEROKA & PENEROKAWATI



Satu sesi ramah mesra Pengerusi, YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh, bersama kepimpinan peneroka dan penerokawati FELDA Wilayah Kuantan telah dilaksanakan pada 3 Julai 2020 bertempat di Dewan Tertutup Projek Sentuhan Kasih, FELDA Chini Timur 2 sempena siri lawatan YB Pengerusi ke gugusan FELDA Chini. Program ini telah dihadiri seramai 100 orang pemimpin komuniti Wilayah Kuantan terdiri daripada semua Ketua Peneroka rancangan, Pengerusi GPW Rancangan, Pengerusi Belia Wilayah dan juga Pengerusi KAF Wilayah.

Dalam sesi ini, diadakan sesi dua hala yang melibatkan pembentangan oleh YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh berkaitan hala tuju, perancangan dan perubahan yang ingin dilaksanakan di FELDA. YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh menekankan tentang kepentingan perubahan pemikiran bagi membawa FELDA ke tahap yang lebih baik. Oleh itu, slogan FELDA LOMBONG EMAS dan PENEROKA; PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN, dilancarkan bagi menyematkan pemikiran baharu kepada warga FELDA.

Ruang telah diberikan kepada semua pemimpin untuk menyuarakan pendapat dan isu terus kepada YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh melalui sesi soal-jawab. Dalam sesi soal jawab, pelbagai isu dibangkitkan oleh ketua-ketua peneroka rancangan termasuklah harga komoditi sawit, isu-isu ladang, pendapatan daripada hasil ladang, hutang peneroka, projek Perumahan Generasi Baharu (PGBF) dan juga pembayaran bil elektrik lampu jalan. Kesemua isu ini telah diperjelaskan oleh YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh.

Program ini turut dihadiri oleh Encik Sulong Jamil, Ketua Peneroka Kebangsaan, Saudara Muhammad Fadzli Hasan, Presiden Majlis Belia FELDA Malaysia dan juga Saudara Fakrurrazi bin Muhammad Habib, Presiden Pertubuhan Kami Anak FELDA (KAF). Sesi selama lebih 2 jam ini tamat pada jam 11.30 pagi.

SEJENAK BERSAMA PENGERUSI

Syukur kita didatangi seorang insan yang sanggup utk membantu warga FELDA dan organisasi kita FELDA iaitu Dato Seri Idris Jusoh. Dalam keadaan kita yang agak tenat, InsyaAllah dengan kepimpinan baru serta keprihatinan kerajaan semasa kini, FELDA akan dapat dikembalikan semula pada landasan sebenar agar dapat meneruskan kelestariannya untuk membantu serta menjaga warga peneroka serta generasinya bagi mempertahankan legasi FELDA yang cukup unik dan eksklusif ini.

Fakrurrazi Bin Mohd Habib,
Presiden Pertubuhan Kami Anak Felda (KAF)

KAF



YB Pengerusi telah menerima kunjungan hormat daripada Exco KAF diketuai oleh Presiden KAF Malaysia, Saudara Fakrurrazi bin Muhammad Habib bertempat di Tingkat 49, Menara FELDA. Sesi kunjungan hormat seramai 20 orang exco KAF Kebangsaan ini telah berlangsung pada 16 Jun 2020.

Sesi ini merupakan kunjungan hormat sempena menyambut pelantikan YB Dato' Seri Idris bin Jusoh sebagai Pengerusi FELDA yang baharu. Dalam sesi ini, YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh telah berkongsi perancangan yang ingin dilaksanakan di FELDA meliputi pelbagai aspek seperti pemeraksanaan urustadbir, pembangunan peneroka, pengurusan ladang yang baik, pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan kemahiran serta mewujudkan tabung wakaf di FELDA.

KAF turut berkongsi pandangan dan cadangan dalam membangunkan generasi FELDA. Dalam sesi ini juga KAF turut menzahirkan sokongan kepada kepimpinan YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh serta sokongan kepada penubuhan Tabung Wakaf FELDA dengan memberikan sumbangan sebanyak RM3,000 kepada tabung ini.

MBFM



Satu sesi YB Pengerusi bersama Majlis Belia FELDA Malaysia telah diadakan pada 8 Julai 2020 bertempat di Tingkat 50, Menara FELDA. Dalam sesi ini, seramai 25 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKKT) Majlis Belia FELDA Malaysia diketuai Presiden, Saudara Muhammad Fadzli bin Hasan berkesempatan mendengar amanat daripada YB Dato' Seri Idris bin Jusoh.

Sesi secara santai ini dilaksanakan secara tertutup melibatkan sesi perbincangan dua hala. YB Dato' Seri Idris bin Jusoh telah berkongsi perancangan dan agenda memperkasakan FELDA bagi mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan FELDA. Dalam sesi ini, buat pertama kalinya YB Dato' Seri Idris bin Jusoh memperkenalkan istilah baharu, "dari bandar ke FELDA" bagi menjadikan perkampungan FELDA lebih menarik dan menjadi satu kawasan penempatan contoh terbaik luar bandar.



www.felda.gov.my



FeldaLKTP



MyFelda



FeldaLKTP



Felda Official

#FELDALombongEmas
#PenerokaPerintisBeraniSukaCabaran
#DariBandarKeFELDA
#CemerlangkanFELDA
#GemilangkanFELDA



LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

Menara FELDA, Platinum Park,
No. 11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur.

T : 03 - 2191 2191

F : 03 - 2191 2590

WELL
FORMED
OUTCOME



FELDA adalah **LOMBONG EMAS**

Peneroka:
Perintis,
Berani &
Suka cabaran

**Penjana ekonomi
negara**

112,638 peneroka
2 Juta warga

Alih arah kepada
kepelbagaian tanaman

Pemain utama **Gedung**

Makanan Negara
(sekuriti makanan)

**Komuniti contoh
terbaik luarbandar**
(Maju, Aman, Berkat)

Latarbelakang



Urustadbir

- Aliran tunai (Sept 2020)
- Penyata Hutang peneroka (Sept 2020)**
- Digitalisasi (Dis 2020)
- Pewarisan tanah (Dis 2020)**
- PBT 1 Billion (hujung 2022) "Billion22"
- Sumber manusia



Peneroka

- Pendapatan >5k (2023)
- 1,000 usahawan jutawan (2025)
- 3,170 usahawan
- Penglibatan G2,G3, G4...



Ladang

- Isu FTP (Sept 2020)**
- OER 23% (2022)
- Hasil 25 T/Ha (2023)
- Pertanian Pintar dan berintegrasi



Pendidikan

- Sekolah bestari (Dis 2020)
- Latihan kemahiran (Dis 2020)
- Kejuruteraan Manusiawi (NLP) (Dis 2020)
- Tabung Wakaf FELDA (Dis 2020)

Keberkatan